

RENANG

1. PERATURAN TEKNIKAL

- 1.1. Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang renang sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Persekutuan Renang Amatir Antarabangsa (FINA).
- 1.2. Mengikut undang-undang dan Peraturan Am Sukan MASUM yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.
- 1.3. Acara-acara dipertandingkan:-

Acara	Bil	Lelaki	Bil	Wanita	
Perseorangan	1.	50 meter Gaya Bebas	1.	50 meter Gaya Bebas	
	2.	100 meter Gaya Bebas	2.	100 meter Gaya Bebas	
	3.	200 meter Gaya Bebas	3.	200 meter Gaya Bebas	
	4.	400 meter Gaya Bebas	4.	400 meter Gaya Bebas	
	5.	800 meter Gaya Bebas	5.	800 meter Gaya Bebas	
	6.	1,500 meter Gaya Bebas	6.	1,500 meter Gaya Bebas	
	7.	50 meter Kuak Dada	7.	50 meter Kuak Dada	
	8.	100 meter Kuak Dada	8.	100 meter Kuak Dada	
	9.	200 meter Kuak Dada	9.	200 meter Kuak Dada	
	10.	50 meter Gaya Kupu-kupu	10.	50 meter Gaya Kupu-kupu	
	11.	100 meter Gaya Kupu-kupu	11.	100 meter Gaya Kupu-kupu	
	12.	200 meter Gaya Kupu-kupu	12.	200 meter Gaya Kupu-kupu	
	13.	50 meter Gaya Lentang	13.	50 meter Gaya Lentang	
	14.	100 meter Gaya Lentang	14.	100 meter Gaya Lentang	
	15.	200 meter Gaya Lentang	15.	200 meter Gaya Lentang	
	Berpasukan	16.	200 meter Rampaian Individu	16.	200 meter Rampaian Individu
		17.	400 meter Rampaian Individu	17.	400 meter Rampaian Individu
18.		4 x 100 meter Gaya Bebas	18.	4 x 100 meter Gaya Bebas	
	19.	4 x 200 meter Gaya Bebas	19.	4 x 200 meter Gaya Bebas	
	20.	4 x 100 meter Rampaian	20.	4 x 100 meter Rampaian	

1.4. Pendaftaran Peserta / Pembentukan Pasukan

1.4.1. Setiap kontingen hanya boleh mendaftar satu (1) pasukan renang lelaki dan satu (1) pasukan renang wanita sahaja yang terdiri daripada:

1.4.1.1. Seorang Pengurus Pasukan

1.4.1.2. Jurulatih

1.4.1.3. Pegawai tambahan

1.4.1.4. Atlit lelaki, maksimum 10 orang

1.4.1.5. Atlit wanita, maksimum 10 orang

1.4.2. Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar dua (2) orang peserta bagi setiap acara perseorangan.

1.4.3. Seorang perenang dibenarkan menyertai semua acara yang dipertandingkan.

1.4.4. Borang pendaftaran peserta hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan dimulakan (tarikh ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM/Jawatankuasa Pengelola).

1.4.5. Hanya peserta yang namanya didaftarkan dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan mengambil bahagian.

1.5. Pertukaran dan Penggantian peserta

1.5.1. Tidak dibenarkan sebarang pertukaran atau gantian semasa pertandingan dijalankan.

1.5.2. Penggantian perenang hanya dibenarkan apabila sijil perubatan dikeluarkan oleh doktor yang bertugas dalam kejohanan berkenaan. Perenang yang diganti tidak dibenarkan menyertai lagi acara lain dalam masa sijil perubatan itu dikuatkuasakan.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

- 2.1. Pertandingan ini akan dijalankan mengikut acara yang telah ditetapkan.
- 2.2. Dalam acara berganti-ganti, nama-nama peserta mengikut susunan untuk pusingan awal hendaklah diserahkan kepada pihak urusetia kejohanan tidak lewat daripada 1 jam sebelum acara berkenaan berlangsung. Bagi acara berganti-ganti rampaian, nama-nama peserta hendaklah diberi mengikut gaya atau kuak mereka.
- 2.3. Susunan acara hendaklah mengikut susunan yang ditetapkan oleh pihak Jawatankuasa Pengelola dan dirujuk kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM.
- 2.4. Undian Lorong adalah berdasarkan kepada masa pencapaian terbaik peserta mengikut yang tercatat dalam borang penyertaan.
- 2.5. Pertandingan ini dijalankan secara "one start rule".
- 2.6. Keputusan pemenang untuk pertandingan renang MASUM adalah mengikut catatan masa terbaik atau 'Time Final'.
- 2.7. Setiap acara yang dipertandingkan tidak akan dijalankan sekiranya mendapat kurang daripada tiga (3) penyertaan.

3. RINGKASAN PENYERTAAN

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	Pengurus Pasukan	1 orang
2.	Jurulatih	1 orang
3.	Pegawai tambahan	1 orang
4.	Atlit lelaki	10 orang maksimum
5.	Atlit wanita	10 orang maksimum
Jumlah keseluruhan		23 orang